

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Jun

$2\frac{1}{4}$ jam

Dua jam lima belas minut

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

1103/1 © 2010 Hak Cipta Kerajaan Malaysia




Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar rajah di bawah menunjukkan punca-punca pencemaran udara dan anggaran peratusannya. Huraikan pendapat anda tentang punca-punca pencemaran udara. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



(Ilustrasi di atas hanya untuk tujuan peperiksaan.)

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Anda telah menyertai satu pasukan sukarelawan yang membantu mangsa bencana alam. Ceritakan pengalaman anda semasa menjalankan tugas tersebut.
- 2 Amalan meraikan hari-hari istimewa seperti Hari Ibu, Hari Bapa dan hari lahir setiap ahli keluarga semakin popular dalam kalangan masyarakat. Huraikan kepentingan-kepentingan meraikan hari-hari istimewa tersebut.
- 3 Isu kenaikan harga barang keperluan harian perlu ditangani kerana kenaikan itu menimbulkan pelbagai kesan terhadap rakyat di negara ini. Tulis sebuah rencana yang bertajuk 'Peranan Pelbagai Pihak dalam Menangani Isu Kenaikan Harga Barang'.
- 4 Semua pemimpin negara di dunia wajar menjalin hubungan baik antara satu sama lain. Jelaskan manfaat-manfaat yang diperolehi melalui hubungan baik pemimpin-pemimpin negara di dunia.

5

Jika ilmu dikaji teliti,
di sungai cabaran tersedia titi.
Ilmu dituntut dengan tabah,
yakin diri bertambah-tambah.

Petikan gurindam di atas menggambarkan bahawa ilmu sangat penting dalam kehidupan. Bincangkan kelebihan orang yang menguasai pelbagai ilmu.

KERTAS SOALAN TAMAT